



PM tersenyum dan tenang berbincang dengan Kissinger

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tersenyum dan tenang ketika mengadakan perbincangan dengan bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr. Henry Kissinger (kanan beliau) di Jabatan Perdana

Menteri, Kuala Lumpur, semalam.

Walaupun mereka membincangkan perkara-perkara mengenai hal ehwal dunia yang mempunyai banyak persoalan ketika ini, namun mereka masih sempat menyelitkan jenaka.

Turut sama ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie (kanan sekali) dan Duta Amerika Syarikat di negara ini, Encik Ronald Palmer (kiri sekali). — Foto: Jabatan Penerangan.